**LAMPIRAN A**

# SPESIFIKASI TEKNIKAL

## SEBUTHARGA BIL. 3/2023:

## PERKHIDMATAN BAGI AKTIVITI PENINGKATAN KECEKAPAN SERTA PEMANTAPAN PELAKSANAAN DI BAWAH PROGRAM PENARAFAN PKS DAN AKREDITASI (SRA)

---

## 1. OBJEKTIF

1.1 Pelantikan Perkhidmatan agensi ini bertujuan untuk:-

- i) Meningkatkan kecekapan serta memantapkan pelaksanaan Program *SME Rating and Accreditation* (SRA);
- ii) Menggalakan lebih banyak penyertaan PMKS di dalam Program SRA melalui aktiviti-aktiviti kesedaran awam serta capaian; dan
- iii) Mewujudkan satu pangkalan data penyertaan PMKS di dalam aktiviti kesedaran dan capaian bagi Program SRA yang komprehensif.

1.2 Program SRA ini merangkumi program serta inisiatif berikut:

- i) Pendaftaran status PMKS (*MSME Status*);
- ii) Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE);
- iii) Anugerah Enterprise 50 (E50);
- iv) National Mark of Malaysian Brand (NMMB);
- v) 1-InnoCERT;
- vi) Penilaian SME Environment, Social & Governance (ESG) Rating;
- vii) MyAssist MSME; dan
- viii) Lain-lain inisiatif yang diluluskan di dalam skop program SRA di bawah RMKe-12.

## 2. SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Menjalankan tinjauan (*survey*) berdasarkan keperluan daripada SME Corp. Malaysia secara dalam talian, menggunapakai platform *survey monkey* yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia, bagi mengenalpasti jurang (*gaps*) untuk penambahbaikan proses serta mencadangkan inisiatif pengurusan perubahan yang bersesuaian bagi Program SRA di dalam meningkatkan kesedaran awam;

2.2 Merancang dan melaksanakan inisiatif pengurusan perubahan serta aktiviti-aktiviti yang bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan serta memantapkan pelaksanaan program *SME Rating and Accreditation* (SRA);

2.3 Menyedia dan melaksana *Integrated Communication Plan* serta memantau aktiviti serta inisiatif berkaitan untuk meningkatkan kesedaran awam serta capaian bagi Program SRA dengan meliputi skop sepertimana berikut:

i) Perhubungan Awam;
ii) Kempen Kesedaran;
iii) Media Sosial; dan
iv) Krisis Komunikasi

2.4 Membangunkan satu pangkalan data SRA yang komprehensif melalui inisiatif capaian yang telah dikenalpasti; dan

2.5 Menghasilkan laporan serta menyediakan pembentangan yang berkaitan berkenaan penambahbaikan proses untuk pertimbangan pengurusan SME Corp. Malaysia serta tindakan yang sewajarnya.

## 3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

3.1 Kontrak pelantikan adalah bagi tempoh **12 bulan** bagi pelaksanaan projek.

3.2 Bayaran dibuat berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek mengikut jadual pembayaran yang akan dipersetujui.

3.3 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan semua perkhidmatan yang diberikan dan setelah menerima Invois serta dokumen berkaitan yang lengkap daripada pembekal.

## 4. SYARAT-SYARAT LAIN

4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian iaitu 222001, 222002 dan 222009.

4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di dalam jadual pematuhan di bawah.

4.3 Penyebutharga hendaklah mempunyai pengalaman dan keupayaan yang luas, pernah melaksanakan program / projek yang sama anjuran SME Corp. Malaysia dan merekodkan prestasi / kerjasama baik dengan SME Corp. Malaysia.

4.4 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
   a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
   b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja;
   c. Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.

4.5 Berupaya untuk melaksanakan projek dalam jangkamasa 12 bulan selepas dilantik oleh SME Corp. Malaysia.

4.6 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak

membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) berdasarkan formula berikut:

(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari item lewat)

4.7 Penyebutharga perlu memberi jaminan kepada SME Corp. Malaysia bahawa semua item yang dibekalkan adalah bukan dipinjam, diciplak dan tidak melanggar paten atau hak cipta intelek pihak lain. Justeru, penyebutharga hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan melindungi SME Corp. Malaysia dari apa jua tindakan dari pihak ketiga sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran paten dan hak cipta harta intelek. Pengesahan ASLI dan SAH perlu ada.

| **BIL.** | **BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN** | **SKOP DIPATUHI** | | **MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (*PROPOSAL*) *** |
|---|---|---|---|---|
| | | **YA** | **TIDAK** | |
| **1.** | **Melaksanakan tinjauan bagi mengenalpasti jurang.**<br><br>i) Menjalankan tinjauan (*survey*) berdasarkan keperluan daripada SME Corp. Malaysia secara dalam talian (menggunapakai platform *survey monkey* yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia) bagi mengenalpasti jurang (*gaps*) untuk penambahbaikan proses serta mencadangkan inisiatif pengurusan perubahan yang bersesuaian bagi Program SRA di dalam meningkatkan kesedaran awam; (*perlu memperolehi sekurang-kurangnya 100 maklumbalas dari tinjauan yang dijalankan*);<br><br>ii) Menyediakan soalan, mengedarkan dan membuat *follow up* bagi tinjauan, secara dalam talian (melalui emel dan telefon) berkenaan kecekapan serta pemantapan pelaksanaan program *SME Rating and Accreditation* (SRA); (*soalan perlu dikongsikan dengan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu)* | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | iii) Membuat analisa bagi item (i) untuk tujuan pelaporan kepada pihak Pengurusan SME Corp. Malaysia; dan<br><br>iv) Penyediaan perkara-perkara di atas perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang edaran dibuat | | | |
| **2.** | **Merancang dan melaksanakan inisiatif pengurusan perubahan serta aktiviti-aktiviti capaian yang bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan serta memantapkan pelaksanaan program *SME Rating and Accreditation* (SRA).**<br><br>i. Merancang, melaksanakan serta memantau aktiviti serta inisiatif bagi Program Pengurusan Perubahan terhadap pemegang taruh dalaman dan luaran sekurang-kurangnya 2 kali sepanjang tempoh projek;<br><br>ii. Menyediakan laporan bertulis kepada SME Corp. Malaysia atas perubahan atau impak berdasarkan sebelum dan selepas pelaksanaan; dan<br><br>iii. Mencadangkan penambahbaikan pelaksanaan program SRA berdasarkan item i-ii | | | |
| **3.** | **Menyedia dan melaksana *Integrated Communication Plan* serta memantau aktiviti serta inisiatif berkaitan untuk meningkatkan kesedaran awam serta capaian bagi Program SRA dengan skop seperti berikut:** | | | |
| | i) Penyebutharga merangka *Integrated Communication Plan* bagi Program SRA;<br><br>ii) Melaksanakan aktiviti-aktiviti capaian dan kesedaran bertujuan meningkatkan kecekapan serta memantapkan pelaksanaan program *SME Rating and Accreditation* (SRA);<br><br>iii) Memantau aktiviti-aktiviti capaian berkaitan untuk meningkatkan | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | kesedaran awam serta capaian bagi Program SRA; dan<br><br>iv) Menyediakan laporan serta analisa terhadap *Integrated Communication Plan* bagi Program SRA untuk penambahbaikan di masa hadapan. | | | |
| **4.** | **Perhubungan Awam** | | | |
| | i) Menyediakan bahan-bahan berikut bagi pelaksanaan aktiviti serta inisiatif berkaitan Perhubungan Awam:<br>a) 20 siaran akhbar, sepuluh (10) dalam Bahasa Malaysia dan sepuluh (10) dalam Bahasa Inggeris;<br>b) 6 artikel / advertorial, tiga (3) di dalam Bahasa Malaysia dan tiga (3) Bahasa Inggeris; dan<br>c) Mengenalpasti dan bekerjasama bersama pihak media bagi mengedarkan semua siaran akhbar dan artikel / advertorial yang disediakan.<br><br>ii) Menguruskan perhubungan media bagi memastikan maklumat terkini, program dan inisiatif khusus bagi Program SRA dapat disalurkan secara efisyen dan menyeluruh kepada pihak media;<br><br>iii) Perancangan serta pelaksanaan sekurang-kurangnya 2 sidang akhbar dari semasa ke semasa;<br><br>iv) Melalui hasil tinjauan yang telah dilaksanakan, pihak penyebutharga mencadangkan program / aktiviti / inisiatif yang bersesuaian bagi menangani jurang yang dikenalpasti. Program / aktiviti / inisiatif yang dicadangkan adalah seperti berikut:<br>a) Digital TV *talk show;*<br>b) Digital *newsletter*; | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | c) Pengiklanan secara dalam talian termasuk melalui FB Boost dan *Google Ads*;<br>d) Sesi temubual Ketua Pegawai Eksekutif bersama Media Arus Perdana;<br>e) Sesi bersama *Influencers* atau *Key Opinion Leaders*;<br>f) Artikel secara dalam talian di Media Arus Perdana;<br>g) TV *Crawler*;<br>h) *Run on Schedule* (ROS); dan<br>i) *Public Service Announcement*<br><br>*Pihak penyebutharga juga boleh mencadangkan medium lain yang bersesuaian.*<br>v) Memantau dan melaporkan secara berkala (secara bertulis) liputan media termasuk melalui akhbar, majalah, TV, radio dan digital; (*penyediaan laporan secara berkala akan dibincangkan secara terperinci setelah tinjauan serta cadangan di persetujui oleh pihak Pengurusan SME Corp. Malaysia*);<br><br>vi) Melaksanakan penterjemahan sekiranya liputan media di dalam bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia dan Inggeris; dan<br><br>vii) Kesemua bahan-bahan hebahan ini akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia. | | | |
| **3.** | **Kempen Kesedaran** | | | |
| | i) Menyediakan sekurang-kurangnya sepuluh (10) bahan-bahan hebahan dan rekabentuk dalam format elektronik (contoh video, teaser, EDM, e-poster, e-banner dan lain-lain yang bersesuaian) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umum berkaitan Program SRA; | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | ii) Memberi khidmat nasihat mengenai kandungan laman sesawang, portal dan media sosial SME Corp. Malaysia dan program serta inisiatif di bawah SRA bagi meningkatkan imej korporat organisasi;<br><br>iii) Menyediakan dan mencetak 5 unit *photobook* berkaitan maklumat SRA serta kompilasi kisah-kisah kejayaan PMKS di bawah program SRA, dengan anggaran 20 muka surat; dan<br><br>iv) Kesemua reka bentuk, bahan-bahan hebahan serta gambar-gambar, imej dan video (raw, high resolution & edited version) perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu serta akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia. | | | |
| **4.** | **Media Sosial** | | | |
| | i) Memberikan cadangan penambahbaikan bagi aktiviti media sosial SME Corp. Malaysia, termasuk cadangan penggunaan media / *trend* terkini bagi meningkatkan capaian program SRA di kalangan orang ramai seperti pertambahan bilangan *followers*, *likes*, *reach*, *engagement, subscribers* dan lain-lain yang bersesuaian;<br><br>ii) Menyediakan laporan dan analisis keseluruhan aktiviti sekurang-kurangnya melalui *google analytics* atau yang lebih baik secara berkala;<br><br>iii) Penyediaan bahan-bahan ini perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat; dan<br><br>iv) Kesemua bahan-bahan hebahan ini akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia. | | | |

| 5. | *Crisis Communication* | | | |
|---|---|---|---|---|
| | i) Memantau semua saluran komunikasi SME Corp. Malaysia dan memaklumkan sebarang aduan / komen dan kritikan kepada Bahagian Komunikasi Strategik, SME Corp. Malaysia;<br><br>ii) Mencadangkan pemantauan maklum balas serta pelaporan yang sistematik bagi SRA;<br><br>iii) Menambahbaik SOP dan proses kerja krisis komunikasi sedia ada yang digunakan sebagai panduan dan rujukan terkini SME Corp. Malaysia, apabila menghadapi krisis komunikasi; dan<br><br>iv) Kesemua pelaporan, SOP serta proses kerja akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia | | | |
| **6.** | **Membangunkan Pangkalan Data bagi sistem SRA** | | | |
| | i) Membangunkan satu pangkalan data SRA yang komprehensif melalui inisiatif capaian yang telah dikenalpasti, merangkumi:<br><br>a. Merancang, mencadangkan topik yang bersesuaian serta menyelaras penganjuran sekurang-kurangnya 5 webinar berdasarkan perbincangan dan persetujuan oleh pihak SME Corp. Malaysia;<br><br>b. Mencadangkan penceramah / speaker / ahli panel yang bersesuaian bagi setiap bengkel / seminar / webinar, serta menyelaras jemputan; | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | c. Membuat jemputan serta *follow-up* kepada PMKS yang bersesuaian bagi setiap webinar;<br><br>d. Penyediaan material / bahan yang bersesuaian (seperti eDM, ePoster, teaser, dan lain-lain bahan yang bersesuaian) bagi menggalakkan orang ramai menyertai webinar yang dianjurkan;<br><br>e. Menyediakan dan mengedarkan borang kepuasan pelanggan yang merangkumi profil peserta, kualiti pelaksanaan webinar dan lain-lain sebagai proses penambahbaikan SRA;<br><br>f. Membangunkan dan mengemaskini pangkalan data (*database*) peserta bagi setiap webinar di dalam format MS Excel dengan parameter yang dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia; dan<br><br>g. Kesemua perkara di di atas perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat dan pangkalan data akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia.<br><br>iv. Menghasilkan laporan serta menyediakan pembentangan yang berkaitan berkenaan penambahbaikan proses untuk pertimbangan pengurusan SME Corp. Malaysia serta tindakan yang sewajarnya. | | | |

** sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi*

**SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (√ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)**

**NOTA PENTING:**

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 3/2023.**

**.........................................................**

**Nama :**

**Jawatan :**

**Tarikh :**

**Cop Syarikat :**